

## **BAB V**

### **RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Dalam Bab IV telah dilaporkan mengenai analisis statistik dan dapatan-kajian. Bab ini pula akan membentangkan rumusan, perbincangan, implikasi dan cadangan.

#### **5.1 Rumusan**

Kajian ini mempunyai empat tujuan utama, iaitu:

1. Untuk meneliti dan membuat penerokaan terhadap pola minat kerjaya Pelajar sekolah di Felda;
2. Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan minat kerjaya antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan;
3. Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan minat kerjaya antara pelajar aliran Sains dan aliran Kemanusiaan.
4. Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan minat kerjaya antara pelajar yang berprestasi akademik tinggi, sederhana dan rendah.

Berdasarkan analisis data yang dilakukan , maka rumusan kajian adalah seperti berikut:

1. Pola Minat Kerjaya keseluruhan sampel kajian ialah Sosial-Konvensional – Realistik atau SKR.
2. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan.
3. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya antara pelajar aliran Sains dan pelajar aliran Kemanusiaan
4. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya antara pelajar yang berprestasi akademik tinggi, sederhana dan rendah.

### **5.2.1 Perbincangan Tentang Pola Minat Kerjaya Pelajar.**

Dapatan kajian ini menunjukkan pola minat kerjaya pelajar tersebut Felda ialah Sosial - Konvensional dan Realistik atau SKR. Holland (1973) menyarankan bahawa pelajar-pelajar boleh dikelaskan mengikut jenis personaliti dan minat kerjaya mereka dengan menggunakan alat SDS atau VPI. Merujuk kepada dapatan kajian Amla (1984) bahawa pelajar – pelajar Malaysia di Western Michigan, Amerika Syarikat boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan dan mengikut susunan , iaitu Sosial (S) , Artistik (A) dan Realistik – Investigatif ( R- I ).

Kajian-kajian yang dijalankan ialah, Dasimah (1988), Amla dan Subahan (1991), Wan Hamzah Wan Daud (1993), Siti Taniza (1994) serta kajian-kajian lain menunjukkan bahawa jenis personaliti yang menggambarkan minat kerjaya pelajar

adalah mengikut pangkatan Model Struktur Hexagon Holland (1969). Malah Amla dan Mizan (1998) memperoleh susunan faktor jenis personaliti pelajar sebagai Sosial, Keushawanan, Artistik, Realistik, Konvensional dan Investigatif atau S, E, A, R, K, I.

Kajian Crabtree (1974), Wakefield dan Doughtie (1973) memperoleh susunan Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Keushawanan dan Konvensional. Dapatan Rachman (1981) menyokong saranan Holland kerana memperoleh susunan Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Keushawanan dan Konvensional.

Dalam kajian ini dibentangkan sebanyak 36.6% (45 orang) pelajar mempunyai minat kerjaya dalam bidang Sosial. 25 orang minat bidang Konvensional. Ini diikuti oleh bidang Realistik yang diminati oleh 20 orang (16.3%) pelajar. Boleh dirumuskan bahawa satu pertiga daripada kumpulan pelajar di Felda ini mempunyai minat kerjaya dalam bidang Sosial.

Kerjaya dalam bidang Sosial dikenal pasti sebagai bidang yang paling dominan diminati oleh pelajar di Felda kerana beberapa faktor persekitaran, dimana budaya Melayu banyak menyerapkan unsur-unsur Sosial seperti sikap saling menghormati, bermuafakat serta memelihara kesopanan dan kesusilaan di samping mempunyai pegangan agama yang kuat. Di samping itu, norma-norma perlakuan masyarakat sekitarnya menuntut agar aspek-aspek kemasyarakatan, kebajikan dan keagamaan amat dipandang berat dan menjadi amalan dan tunjang kehidupan mereka. Oleh itu, kesannya jelas dilihat pada pelajar Felda yang sebahagian besarnya berminat dalam bidang Sosial.

Kerjaya yang kedua diminati oleh pelajar-pelajar tersebut ialah bidang Konvensional. Mereka digambarkan mempunyai sifat cermat, tekun, akur, emosi stabil dan mengamalkan tatacara hidup yang direstui oleh masyarakat. Pemupukan sifat sedemikian wujud dalam diri individu bukan setakat faktor semula jadi, tetapi juga terbentuk hasil daripada situasi yang wujud dalam masyarakat. Ahli masyarakatnya digambarkan sebagai kelompok yang menjalankan tatacara kehidupan yang 'routine oriented' dimana urusan harian yang stereotaip, aktiviti sosio budaya yang mengikut tatacara ketimuran dan urusan aktiviti ekonomi yang dilakukan secara cermat dan tekun. Keadaan kehidupan yang tidak kompleks atau mudah, tetapi diperlakukan secara teliti telah tersemat dalam jiwa sanubari pelajar dalam proses peniruan gaya hidup mereka. Oleh itu, besar kemungkinan keadaan yang berlaku secara lahiriah ini menguasai perlakuan dan tindak tanduk pelajar tersebut untuk bersikap cermat, akur, teliti dan tekun dimana ia selari dengan ciri-ciri Konvensional.

Kerjaya dalam bidang Realistik yang ada pada pelajar ini mungkin wujud kerana kecenderungan pelajar tersebut dalam aktiviti yang bersangkutan paut dengan koordinasi psikomotor. Ia banyak melibatkan kegiatan yang berhubung dengan aktiviti fizikal seperti mempelbagai kegunaan objek, alat-alat pertukangan serta bidang kehaiwanan. Kegiatan harian yang berlaku di persekitarannya secara tidak langsung telah memupuk proses adaptasi dalam bidang ini.

Sebaliknya pula, kerjaya dalam bidang Artistik tidak begitu ketara kerana 14 orang (11.41%) sahaja daripada 123 orang pelajar yang mempunyai minat sedemikian. Menurut Holland ciri-ciri bidang ini sebenarnya merangkumi aktiviti



dalam bidang seni sama ada seni halus , seni kraf tangan serta seni budaya. Sifat yang bertunjangkan nilai-nilai imaginatif, intuitif serta mempunyai daya fikir yang abstrak tidak begitu ketara di kalangan pelajar tersebut.

Rumusannya, terdapat persamaan dan perbezaan dapatan kajian ini jika dibanding dengan kajian – kajian lain . Namun, dapatan kajian ini telah dapat memaparkan pola minat kerjaya para pelajar secara khusus dan ia bertepatan dengan saranan Holland (1973) yang menyatakan bahawa setiap individu itu mempunyai minat dalam bidang-bidang kerjaya yang tertentu.

### **5.2.2 Perbincangan Tentang Perbezaan Minat Kerjaya Antara Jantina**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara sampel lelaki (N=56) dan sampel perempuan (N=67) dalam minat kerjaya mereka. Bagi pelajar lelaki minat kerjaya mereka mengikut susunan Realistik, Sosial dan Konvensional atau RSK, manakala minat kerjaya pelajar perempuan mengikut susunan Sosial, Konvensional dan Artistik atau SKA.

Perbezaan dalam minat kerjaya antara sampel lelaki dan sampel perempuan dalam kajian ini adalah menyokong dapatan-dapatan daripada beberapa kajian yang lalu. Kajian-kajian yang lalu termasuklah kajian Prediger (1976, 1981, 1982 ) , Prediger dan Cole ( 1975 ) , Tuck dan Keeling (1980), Rose dan Elton (1979), Hollinger (1984), Henry et.al (1988), dan Zainon (1990) yang mengatakan bahawa

terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya di kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

Prediger dan Hanson (1976) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam jenis minat kerjaya antara sampel lelaki dan sampel perempuan walaupun mereka bekerja dalam bidang yang sama. Holland (1976, 1982, 1985a) sememangnya menjangkakan wujud perbezaan antara kedua-dua kumpulan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan, iaitu minat kerjaya dalam bidang Realistik, Sosial dan Konvensional pada pelajar lelaki manakala minat kerjaya dalam bidang Sosial, Konvensional dan Artistik pada pelajar perempuan.

Pelajar lelaki menampilkan Realistik sebagai ciri-ciri yang paling dominan kerana didapati 33.9% ( 19 orang) mempunyai minat dalam kerjaya tersebut. Holland (1985) menyatakan bahawa individu yang tergolong dalam bidang ini mempunyai kecenderungan dan minat dalam aktiviti yang bercorak fizikal. Ia digambarkan sebagai bersifat materialistik, stabil dari segi emosi, tidak begitu gemar bersosial dan dianggap mempunyai sifat-sifat kelakian serta menggemari pekerjaan bertani serta bidang teknikal.

Oleh sebab perbezaan ini dilihat dari perspektif pelajar lelaki dan perempuan, terdapat kebenarannya kerana pelajar lelaki seringkali menceburi dan menonjolkan ciri-ciri ini dengan lebih nyata. Apa yang jelas minat kerjaya pelajar lelaki terpancar

dalam jenis personaliti ini kerana pelajar lelaki mempunyai kegemaran untuk memanipulasi objek, alat kejuruteraan dan kehaiwanan. Keadaan ini wujud kerana sebagai pelajar yang tinggal di Felda kemudahan yang ada mungkin memberikan kecenderungan serta menambahkan minat mereka terhadap aktiviti sebegini. Pelajar tersebut mungkin mendapat pendedahan dari segi mengendalikan alat-alat jentera di ladang atau perkakas pertanian yang terdapat di persekitaran mereka.

Di samping itu, keluarga mungkin menanamkan pengaruh yang besar terhadap minat kerjaya Realistik pelajar lelaki. Kehidupan harian dan persekitaran yang ada membentuk dan mengasuh diri mereka untuk menjadi lebih ekstrovert. Selain keluarga dan rakan, masyarakat setempat mungkin turut membantu dalam mempengaruhi sifat sedemikian kerana dari awal lagi pelajar didorongi untuk memanipulasikan alat-alat kejenteraan contohnya membaiki basikal, motor dan yang seumpamanya.

Sepertimana jangkaan dan ekspektasi daripada keluarga dan masyarakat, minat dan bakat pelajar lelaki berbeza dengan minat dan bakat pelajar perempuan. Ini kerana pelajar lelaki sendiri memang kurang trampil dalam aktiviti – aktiviti yang mempunyai unsur abstrak. Apa yang ketara ialah minat kerjaya pelajar lelaki berbeza dengan pelajar perempuan kerana minat kerjaya ini mengutamakan aktiviti yang bercorak teknikal dan konkrit. Oleh itu, ciri utama kerjaya dalam bidang ini memerlukan persekitaran yang ada sangkut – paut dengan aktiviti yang berasaskan penampilan dan kekuatan fizikal.

Manakala pelajar perempuan tidak begitu trampil dalam minat kerjaya Realistik kerana faktor fizikal mereka sendiri yang kurang menggalakkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti yang bercorak fizikal. Di samping itu, budaya setempat sememangnya kurang menggalakkan pelajar perempuan melibatkan diri dengan aktiviti lasak serta mana-mana aktiviti yang menonjolkan sifat yang ketara dalam kerja-kerja fizikal.

Bidang Sosial yang diminati oleh 17 orang pelajar lelaki juga ada rasionalnya. Ini kerana pelajar sedemikian mendiami kawasan yang sentiasa menitikberatkan aktiviti dan amalan kehidupan yang berasaskan kebajikan, kemasyarakatan dan keagamaan. Aktiviti sebegini telah membentuk jiwa dan nurani mereka untuk menjadi orang yang boleh menjalin hubungan baik antara satu sama lain, kecenderungan untuk menunjukkan sifat-sifat menolong, responsif dan bekerjasama. Tambahan pula hubungan kekeluargaan dan kejiranan masih kekal dan utuh. Suasana persekitaran sekolah juga menerapkan aktiviti yang berbentuk Program Komuniti seperti Sambutan Maal Hijrah, Hari Raya Korban, Hari Sukan Tahunan Sekolah, Persatuan Ibu Bapa Guru, Program Motivasi dan sebagainya. Ini bermakna para ibu bapa mengetahui program yang berlaku di sekolah dan mereka memberikan sumbangan dalam bentuk tenaga dan moral. Tidak dapat dinafikan, mungkin melalui hubungan sebegini masyarakat setempat mengambil tahu serta melibatkan diri dalam aktiviti sekolah dan tanpa disedari keadaan sedemikian sedikit sebanyak menjadi contoh teladan kepada anak-anak di situ yang membuat persepsi bahawa kehidupan bermasyarakat merupakan satu amalan utama dalam kehidupan.

Sebilangan kecil pelajar lelaki menunjukkan minat dalam bidang Konvensional. Golongan ini mengikut Holland merupakan golongan yang suka akan aktiviti yang berasaskan keupayaan dan kebolehan untuk menyimpan rekod, memanipulasikan rekod dan data. Kumpulan ini mempunyai kecenderungan sedemikian kerana bakat dan keupayaan semula jadi serta terpengaruh dengan keadaan persekitaran yang meliputi aktiviti urusan jual beli hasil pertanian. Pengalaman secara berterusan ini telah memupuk minat mereka menjadi semakin mendalam dalam bidang tersebut.

Kerjaya dalam bidang Investigatif diminati oleh 5 orang pelajar lelaki. Sepertimana yang kita ketahui ciri-ciri dalam bidang Investigatif ini banyak tertakluk kepada pengamatan dan penaakulan yang tinggi dalam aktiviti penyelidikan dan penyiasatan. Ini termasuklah aktiviti saintifik dan kegiatan kreatif. Tidak dapat dinafikan mungkin bilangan pelajar lelaki yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang tinggi yang suka dan berminat dalam bidang ini agak terhad. Atau mungkin pelajar lelaki juga tidak menaruh minat dalam aktiviti yang berlandaskan kegiatan seni kreatif.

Minat kerjaya dalam bidang Artistik juga amat minima di kalangan pelajar lelaki. Individu yang tergolong dalam aktiviti dilihat sebagai mereka yang berupaya dan cenderung mencipta hasil-hasil seni. Aktiviti kesenian merujuk kepada penampilan bakat, minat dan keupayaan untuk menggiatkan aktiviti budaya dan sastera, muzik, fesyen, kraf dan seumpamanya. Senario ini wujud di kalangan pelajar lelaki mungkin disebabkan oleh faktor kurangnya dorongan atau prasarana di Felda.

Tambahan pula, selaras dengan sifat semula jadi orang lelaki itu sendiri yang kurang meminati aktiviti sedemikian menyebabkan kurangnya bilangan mereka meminati bidang Artistik.

Bagi bidang Sosial, analisis menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih ramai meminati bidang ini berbanding pelajar lelaki. Keputusan ini mungkin berlaku kerana individu yang tergolong dalam kategori ini mempunyai keupayaan interpersonal yang tinggi. Ini dapat dilihat apabila mereka mempunyai kawalan emosi yang tinggi dan stabil serta dapat membina hubungan sesama manusia di samping berkecendrungan untuk bersosial, persuasif, dan bersifat kewanitaan.

Faktor yang mungkin membezakan minat kerjaya antara lelaki dan perempuan juga mungkin akibat jangkaan bahawa kaum lelaki mesti berdikari. Oleh sebab itu, kaum lelaki perlu menyediakan dirinya untuk menghadapi cabaran hidup serta mempunyai kekuatan dalam menangani masalah emosi. Ini yang memungkinkan perbezaan yang wujud antara pelajar perempuan yang dianggap begitu ketara dengan nilai kewanitaan seperti bersifat pemujuk, lemah - lembut, bertoleransi dan mengambil kira pelbagai aspek yang berhubung dengan aspek hubungan kemanusiaan.

Malah faktor keluarga dan rakan sebaya serta masyarakat setempat begitu kuat terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan di mana masyarakatnya mengamalkan latar belakang budaya, ekonomi dan sosial yang sama. Fenomena ini diperkukuhkan lagi dengan amalan harian komuniti ini yang amat mementingkan amalan dan budaya bermasyarakat berterusan.

Selain pengaruh keluarga dan rakan sebaya, faktor yang mungkin membezakan minat kerjaya antara lelaki dan perempuan ialah jangkaan bahawa kaum lelaki mesti belajar berdikari dan tidak bersifat emosional. Anak lelaki perlu mempersiapkan diri untuk berani menghadapi cabaran serta mempunyai kekuatan dalam menangani masalah emosi. Ini memungkinan wujudnya perbezaan persepsi terhadap pelajar perempuan dimana mereka perlu meneruskan nilai-nilai kewanitaan iaitu bersifat lemah-lembut, sensitif serta gemar untuk membantu dalam urusan rumah tangga.

Rumusannya, perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan sangat jelas. Ini kerana pelajar perempuan diharapkan mengekalkan serta menampilkan sifat-sifat kewanitaan yang sememangnya menjadi pegangan kehidupan masyarakat tersebut. Adalah menjadi bahan bualan atau isu yang sensitif sekiranya pelajar-pelajar perempuan bersikap di luar daripada jangkaan komuniti mereka. Keadaan ini dapat berkekalan kerana setiap ahli masyarakat mahukan keadaan kehidupan yang harmoni serta mengelakkan sebarang gejala negatif menyerap dalam kehidupan masyarakat di situ. Sebolehnya mungkin amalan dan budaya Melayu ini diamalkan secara berterusan melalui asuhan dan bimbingan keluarga dan kawalan oleh anggota masyarakatnya. Lebih-lebih lagi mereka amat menekankan amalan dan cara hidup yang berlandaskan aktiviti yang bercorak keagamaan dan kebajikan kerana amalan yang sedemikian sahaja dapat mengekalkan perpaduan dan keharmonian tempat tinggal mereka.

Selanjutnya, seramai 18 orang (26.9%) pelajar perempuan mempunyai minat dalam bidang Konvensional. Bertepatan dengan sifat yang ada pada kaum perempuan itu bersifat cermat, akur serta tekun, dapatan menunjukkan hampir sepertiga pelajar perempuan berkecenderungan dalam bidang ini. Minat dalam bidang ini terbentuk kerana mungkin keadaan persekitaran dilihat sebagai amalan yang boleh dituruti oleh mereka. Apa yang diamati aktiviti di sekitar mereka turut memaparkan penglibatan kaum wanita mengendalikan kegiatan dalam bidang perniagaan seperti mengusahakan dan memasarkan sayur-sayuran dan bunga-bunga di sekitar kawasan perumahan mereka, membuka bengkel jahitan, mengusahakan industri makanan kering, mengelolakan perniagaan aksesori perkahwinan serta hiasan rumah dan sebagainya. Kaum wanita juga dilihat menceburi aktiviti yang dianjurkan oleh Felda seperti pertandingan kebersihan rumah tangga serta kawasan tempat tinggal. Oleh itu, komitmen kaum wanita menjadi suri teladan (role model) kepada pelajar perempuan dalam pembentukan peribadi mereka. Secara tidak disedari aktiviti ini mulai terserap dalam jiwa mereka dan menerimanya sebagai satu kegiatan yang diterima oleh anggota masyarakat.

Susunan kerjaya yang diminati oleh pelajar lelaki dan perempuan di Felda berbeza dengan susunan kerjaya seperti yang dicadangkan oleh Holland mungkin berkait rapat dengan faktor budaya dan sifat introvert pelajar timur berbanding pelajar Amerika. Namun, dapatan ini masih menyokong saranan gagasan Holland bahawa individu akan menampilkan minat dan personaliti yang kongruens dan sepadan dengan persekitarannya (1983).



Namun begitu, dapatan ini juga menyokong saranan Holland (1973) dan lapatan-dapatan kajian yang lalu dimana pelajar lelaki berbeza dari segi minat kerjaya dengan pelajar perempuan kerana pelajar lelaki dilihat amat mengutamakan kerjaya yang berkaitan dengan bidang Realistik sementara pelajar perempuan selalunya dikaitkan dengan kerjaya dalam bidang Sosial.

### **5.2.3 Perbincangan tentang Perbezaan Minat Kerjaya Pelajar Daripada Berlainan Aliran Pengajian.**

Pelajar yang dikaji terbahagi kepada 2 aliran pengajian, iaitu aliran Sains (N= 52) dan aliran Kemanusiaan ( N=71 ). Pelajar daripada aliran Sains menunjukkan minat yang jelas dalam bidang Konvensional, Sosial dan Realistik atau KSR yang agak berbeza daripada pelajar aliran Kemanusiaan. Mereka menunjukkan minat pada bidang Sosial, Realistik dan Artistik atau SRA.

Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan kajian –kajian yang lalu sama ada kajian dari luar negara mahupun kajian tempatan seperti Jamilah (1989), Dasimah (1991) dan Siti Taniza (1994). Kajian tersebut menyokong saranan Holland bahawa terdapat perbezaan dalam minat kerjaya antara pelajar dari kedua-dua aliran tersebut.

Melalui kajian ini pelajar aliran Sains menunjukkan kecenderungan terhadap aktiviti – aktiviti dalam bidang Konvensional. Apa yang jelas, pelajar dalam golongan ini memfokuskan minat kerjaya yang mendalam serta menggemari aktiviti yang melibatkan kegiatan memproses data, memanipulasi bahan serta menyimpan rekod.

Selari dengan era ledakan maklumat pada hari ini, mereka merupakan golongan yang meminati aktiviti dalam bidang pemprosesan data termasuk sumber teknologi komputer. Pola minat ini berbeza dengan pola minat kerjaya Holland (1985a) yang menggariskan pelajar aliran Sains lebih tertumpu pada bidang Investigatif seperti dapatan Tan (1989).

Namun begitu, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pelajar dari aliran Sains ini mempunyai minat dalam bidang teknologi komunikasi yang semakin menguasai pasaran tenaga kerja pada masa ini.

Sepuluh daripada pelajar daripada aliran Kemanusiaan mempunyai kecenderungan dalam bidang Sosial. Kajian ini bersesuaian dengan kajian Dasimah (1991) dan Wan Daud Wan Hamzah (1993) yang mendapati bahawa pelajar perempuan mempunyai minat dalam bidang Sosial. Minat ini terbentuk bukan hasil daripada bakat semula jadi sahaja tetapi juga kesan daripada faktor persekitaran. Oleh itu, persekitaran tempat tinggal pelajar ini telah berupaya mencorakkan minat pelajar dalam bidang ini. Ciri orang-orang yang tergolong dalam bidang Sosial ialah golongan yang ada keupayaan dan kemahiran dalam membina hubungan interpersonal. Mereka menggemari dan meminati pekerjaan yang bercorak pendidikan, terapi dan keagamaan serta kegiatan yang berfokus pada soal-soal ibadat, khidmat masyarakat, muzik, bacaan, drama dan seumpamanya. Individu golongan ini digambarkan sebagai mempunyai imej yang positif mengenai dirinya atau mempunyai kecerdasan intrapersonal yang tinggi. Mereka yang tergolong dalam kategori ini juga mempunyai ketrampilan dan penonjolan sebagai pemidato dan

penceramah yang agresif serta ada daya kepimpinan. Tambahan pula, kebolehan dan kemahiran berbahasa juga tinggi dan mereka berupaya menarik perhatian orang ramai melalui personaliti dan tingkah laku yang positif.

Di samping itu, pelajar daripada aliran Kemanusiaan ini dikehendaki mengikuti dan mempelajari mata pelajaran Kesusasteraan Melayu serta Tasawur Islam yang sedikit sebanyak membantu mereka mengembangkan dan memantapkan pengetahuan keagamaan, bahasa dan kesusasteraan. Pekerjaan yang mungkin boleh diceburi oleh golongan Sosial lebih tertumpu pada bidang kaunseling, keagamaan, kebajikan, kemahiran berpolitik dan ahli dalam bidang komunikasi massa. Ini menunjukkan ada perkaitan antara minat dengan bidang kerjaya yang wajar diceburi.

Dapatan kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa pelajar aliran Kemanusiaan mempunyai minat dalam bidang Sosial yang selari dengan saranan Holland dan beberapa dapatan kajian lain

Bidang Realistik juga diminati oleh pelajar aliran Kemanusiaan, iaitu seramai 13 orang (18.3%). Fenomena ini wujud kerana aktiviti sosio – ekonomi mereka berasaskan aktiviti pertanian. Mereka dilatih menggunakan alat-alat dan mesin pertanian bagi membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Anak-anak mereka dilatih untuk menolong ibu bapa pada musim cuti sekolah, oleh itu secara tidak langsung pengetahuan dan kebolehan menggunakan alat-alat pertanian dikuasai tanpa disedari oleh mereka.

Kerjaya dalam bidang Investigatif diminati oleh hanya 5 orang pelajar (7.0%) sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar aliran Kemanusiaan kurang berminat dalam aktiviti penyiasaan dan penyelidikan terutama dalam bidang sains. Daripada dapatan menunjukkan bahawa pelajar aliran Kemanusiaan, iaitu seramai 24 orang terdiri daripada pelajar yang mempunyai pencapaian akademik rendah dan ini memungkinkan yang pelajar aliran tersebut kurang cenderung dalam bidang Investigatif.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar daripada aliran Sains menunjukkan minat dalam bidang Konvensional. Bagi pelajar aliran Kemanusiaan mempunyai minat dalam bidang Sosial yang mana ia selari dengan saranan Teori Holland dan beberapa dapatan kajian lain.

#### **5.2.4 Perbincangan Tentang Perbezaan Minat Kerjaya Mengikut Pencapaian Akademik Pada Tahap Tinggi, Sederhana dan Rendah**

Pelajar telah dibahag kepada tiga tahap pencapaian, iaitu yang mempunyai pencapaian akademik tinggi ( $N= 24$ ) pencapaian akademik sederhana ( $N= 76$ ) dan pencapaian akademik rendah ( $N= 23$ ). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya bagi ketiga-tiga kumpulan pelajar daripada tahap pencapaian tersebut. Pelajar daripada pencapaian akademik tinggi menunjukkan minat dalam bidang Investigatif – Konvensional, Sosial – Realistik, Artistik - Keusahawanan atau I/K,S/R,A/Ku.

Pelajar yang berpencapaian akademik sederhana dikelompokkan dalam bidang kerjaya Sosial, Konvensional, Artistik, Realistik, Investigatif – Keushawanan atau S,K,A,R,I,Ku. Pelajar daripada kategori pencapaian akademik rendah mempunyai minat dalam bidang Sosial, Realistik, Konvensional, Keushawanan dan Artistik atau S,R,K,Ku,A.

Dapatan ini menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya di kalangan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang berbeza. Oleh itu kajian ini menunjukkan terdapatnya pengaruh pencapaian akademik terhadap minat kerjaya pelajar, walaupun antara pelajar daripada pencapaian akademik sederhana dan rendah mempunyai sedikit perbezaan berbanding dengan pelajar daripada pencapaian akademik tinggi.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar berpencapaian akademik tinggi mempunyai minat kerjaya yang tinggi dalam bidang Investigatif. Antara ciri-ciri yang ditonjolkan oleh golongan ini adalah kesukaan terhadap aktiviti yang bersifat penyelidikan dan mempunyai persepsi serta keyakinan yang tinggi terhadap Matematik dan Sains. Persekitaran Investigatif pula menunjukkan individu dalam golongan ini mampu menyelesaikan masalah - masalah dengan menggunakan kemahiran Matematik dan Sains yang bersifat intelektual serta logik

Keputusan kajian ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Holland (1985) yang menyatakan pelajar dengan pencapaian akademik tinggi lebih menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang Investigatif. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Wall, Osipow, Ashby (1966); Andrews (1973); Scott dan

Day (1972); Kelso dan Taylor (1980) serta Mohd. Amin (1987) Tan (1989) serta Amla dan Mizan Adiliah (1998)

Holland (1973) menyatakan bahawa minat kerjaya merupakan hasil daripada interaksi berbagai – bagai faktor seperti keluarga, rakan-rakan sebaya , aspek kebudayaan dan persekitaran. Interaksi tersebut akan mempengaruhi minat seseorang individu terhadap aktiviti - aktiviti yang dilakukannya.

Keluarga mungkin berpengaruh dalam pembentukan ciri Investigatif, yakni menggalakkan anak-anak untuk berusaha dengan tekun serta memberikan sokongan moral dengan meletakkan kepentingan akademik lebih daripada yang lain. Ibu bapa hari ini begitu perihatin tentang kepentingan pendidikan dan sedar bahawa melalui kejayaan dalam akademik dapat memobilisasikan taraf kehidupan mereka.

Di samping keluarga, rakan sebaya juga memainkan peranan penting. Ini bermakna kelompok rakan sebaya mereka merupakan ahli kumpulan yang sentiasa berdamping untuk aktiviti pembelajaran atau aktiviti luar kelas. Oleh sebab mereka tinggal di kawasan yang berdekatan hubungan mereka akrab lalu interaksi berlaku sepanjang masa. Kegiatan kokurikulum yang disertai juga mungkin berkaitan dengan minat mereka dan mungkin menceburi aktiviti dalam Persatuan Sains dan Matematik, Kelab Reka cipta dan seumpamanya. Tambahan pula, mereka merupakan kumpulan pelajar yang memperoleh pencapaian akademik cemerlang dalam peperiksaan PMR.

Malahan aspek persekitaran juga turut memberikan sumbangan kepada minat mereka, iaitu pada hari ini pendedahan terhadap ciptaan dalam bidang Sains Teknologi yang disalurkan melalui pelbagai media turut mempengaruhi mereka untuk menanam minat sebegini. Antara contoh yang nyata ialah penggunaan alat-alat yang memerlukan kemahiran saintifik serta logistik seperti komputer mungkin dapat menampakkan keinginan dan keupayaan pelajar tersebut dalam bidang Investigatif. Sebagai pameran berunsur inovasi dalam hasil ciptaan yang pernah dikunjungi juga memberi motivasi ekstrinsik kepada mereka terutama yang meminati bidang-bidang tersebut.

Di samping kecenderungan dalam bidang Investigatif golongan ini juga menunjukkan minat kerjaya dalam bidang Konvensional. Pelajar golongan ini menunjukkan ciri-ciri orang mempunyai kecekapan sebagai pengusaha, penganalisis data dan rekod. Mereka mempunyai kawalan diri yang baik dan mempunyai kecenderungan terhadap kuasa dan status. Golongan ini suka akan aktiviti yang terstruktur, berstruktur serta berkonformi dan berdisiplin. Pekerjaan yang ingin dijawat termasuklah pemeriksa kira-kira, pegawai bank, pengendali komputer, juruaudit, perancang belanjawan serta kerani gaji. Secara tidak langsung, kemahiran yang tinggi dalam bidang Matematik dikuasai kerana kerjaya yang ingin diceburinya banyak berfokus pada aspek pengiraan dan pengendalian data.

Dapatan menunjukkan minat pelajar yang berprestasi akademik tinggi dalam Investigatif - Konvensional sebagai skor yang tertinggi amatlah sesuai, padan dan merupakan satu gabungan yang mantap. Ini kerana ciri-ciri Investigatif

banyak memupuk kecekapan dan pencapaian dalam bidang Sains, gemar membuat pemerhatian dan penyelidikan secara sistematik mengenai sesuatu fenomena serta berkemahiran dan berbakat dalam bidang Sains. Ini digabungkan pula dengan minat yang tinggi dalam bidang Konvensional dimana mereka mempunyai kecenderungan dan kecekapan dalam pemanipulasian data-data dan rekod serta gemar mengendalikan komputer. Apa yang kita amati pelajar berpencapaian tinggi, sudah merangka kerjaya yang akan diceburi kerana mereka merupakan kumpulan yang cerdas dan mengikuti perkembangan dunia teknologi maklumat walaupun mereka tinggal di luar bandar. Tetapi dengan adanya kemudahan di sekolah ataupun melalui ceramah serta sebaran melalui media massa, mereka bercadang untuk mengikuti program kerjaya sedemikian. Oleh itu, minat pelajar yang berpencapaian akademik tinggi dalam bidang Investigatif - Konvensional merupakan satu kesesuaian serta kongruens dengan saranan Holland (1985a).

Hanya seorang pelajar berpencapaian akademik tinggi berminat dalam bidang Artistik dan seorang lagi dalam bidang Keusahawanan. Kurangnya minat mereka dalam kedua-dua bidang ini ada kaitan dengan bakat dan kecenderungan dalam aspek ini. Apa yang jelas peluang dan kesempatan mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti berbentuk kesenian, sama ada seni budaya ataupun seni kraf agak terhad. Ini kerana perkampungan ini mengutamakan kegiatan pertanian.

Sebahagian besar pelajar yang mempunyai pencapaian akademik sederhana dan rendah mempunyai minat dalam bidang Sosial. Antara ciri-ciri yang ditonjolkan oleh kumpulan yang tergolong dalam bidang ini ialah keupayaan dan kemahiran



spek membina hubungan kemanusiaan atau kemahiran interpersonal.

lebih meminati pekerjaan-pekerjaan yang bercorak pendidikan, terapi dan serta menyertai kegiatan-kegiatan yang berorientasikan aktiviti khidmat akat, amal kebajikan dan perhubungan awam (public relation). Ia menonjolkan ng positif mengenai dirinya dan menganggap dirinya sebagai seorang yang oh kepimpinan, gemar berceramah dan terlibat dalam aktiviti arakatan. Individu yang tergolong dalam bidang ini juga dilihat sebagai orang opular dan agresif serta ditambah dengan keupayaan , kemahiran dan han yang tinggi dalam aspek bahasa.

Keadaan seumpama ini wujud kerana pelajar di Felda memang benar-benar ah dengan amalan yang banyak melibatkan aktiviti kemasyarakatan, keagamaan bajikan dan keadaan ini berlaku secara berterusan. Ini boleh dilihat melalui m yang dilaksanakan di sekolah mahupun komuniti yang mengutamakan i keagamaan, gotong-royong, menjaga alam sekitar serta memupuk adat dan it Melayu. Pelajar-pelajar dari kumpulan ini kerap kali terlibat dalam aktiviti yarakatan kerana mereka merupakan sebahagian daripada komuniti dimana a juga terlibat dalam aktiviti seperti ahli kompang sekolah, ahli Puteri Islam enyertai kegiatan belia di kampung mereka. Pendedahan sedemikian mungkin antu pemupukan nilai Sosial dalam diri mereka.

Walau bagaimanapun hanya segelintir sahaja pelajar mempunyai minat dalam g Keusahawanan dan Investigatif yang memerlukan keupayaan dan kebolehan 1 bidang Sains dan Matematik. Kegiatan mereka lebih mirip pada aktiviti yang

berbentuk fizikal seperti mengendalikan mesin dan alat pertanian dan oleh itu lebih kurang 9 orang (11.8%) pelajar berprestasi akademik sederhana tergolong dalam bidang Realistik.

Holland (1973, 1985a) yang mengatakan bahawa minat pada sesuatu kerjaya mewakili pola personaliti seseorang individu. Kesimpulannya keserupaan seseorang terhadap setiap jenis personaliti boleh didapati melalui minat yang digambarkan di dalam keutamaan – keutamaan kerjaya mereka.

### 5.3 Implikasi Kajian

Implikasi kajian ini dilihat daripada beberapa sudut, iaitu sudut pelajar ibu bapa, guru-guru, khasnya guru bimbingan dan kaunseling, pentadbir sekolah, pihak pengurusan Felda serta Kementerian Pendidikan

Implikasi dari sudut pelajar ialah bagaimana alat Pemilihan Kerjaya SDS Holland ini boleh membantu pelajar dalam penerokaan minat kerjaya mereka. Alat SDS ini dianggap sebagai satu alat yang sesuai diaplikasikan kepada pelajar khususnya di peringkat Tingkatan Empat dan Lima, yakni dalam proses memahami hala tuju kerjaya mereka. Pemilihan kerjaya tersebut benar-benar dapat menepati dan memenuhi keperluan dan keupayaan mereka. Dengan perkataan lain alat ujian ini juga menjadi asas dan panduan dalam pemilihan jurusan pengajian kemudian nanti.

Implikasi kedua yang boleh dianggap sebagai membantu pelajar ke arah pemahaman kerjaya yang akan diceburi ialah berkait – rapat dengan faktor ibu bapa mereka. Ibu bapa berupaya membantu pelajar mengukuhkan minat kerjaya anak-anak mereka dengan memberikan pendedahan terhadap dunia pekerjaan melalui aktiviti – aktiviti luar yang berkaitan dengan keperluan dan kecekapan mereka. Ini boleh dilakukan dengan membenarkan anak-anak terlibat dalam program kerjaya, maju diri, motivasi dan seumpamanya yang dianjurkan sama ada pihak agensi kerajaan atau swasta. Tidak dinafikan bahawa ibu bapa di Felda bukanlah daripada golongan yang berpendidikan tinggi tetapi kebanyakan daripada mereka merupakan kumpulan ibu bapa dan penjaga yang mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya di peringkat S.P.M. Ibu bapa haruslah memberikan komitmen dan pengorbanan serta berusaha mengalakkan anak-anak mengatur langkah untuk memperoleh kejayaan hidup pada masa hadapan. Ibu bapa juga wajar akur akan kehendak anak-anak yang mempunyai keupayaan dan kekuatan dalam bidang tertentu tanpa memaksa mereka memilih kerjaya mengikut kehendak ibu bapa. Tetapi mereka harus diberikan kebebasan kepada memilih kerjaya yang bersesuaian mengikut bakat, minat dan keupayaan mereka. Apa yang perlu ibu bapa laksanakan ialah memberikan dorongan dan sokongan moral serta memberikan ruang untuk berbincang dari semasa ke semasa. Situasi ini perlu diwujudkan kerana anak-anak akan dapat merasai bahawa ibu bapa memberikan kepercayaan kepada mereka dalam meletakkan matlamat hidup serta mereka perlu bertanggungjawab terhadap masa depan mereka sendiri.

Ibu bapa juga perlu mengubah sikap untuk lebih terbuka dalam hal sebegini supaya anak-anak berasa mereka bebas dalam membuat penerokaan kerjaya. Ibu bapa

juga boleh merujuk kepada mana-mana ahli keluarga mereka atau anak-anak jiran sekampung yang telah mencapai kejayaan dalam kerjaya sebagai suri teladan untuk menjadi pendorong ke arah mencapai cita-cita anak-anak mereka.

Implikasi seterusnya adalah kepada guru-guru bimbingan dan kaunseling di sekolah perlu menjalankan program-program penerokaan kerjaya atau

perkembangan kerjaya kepada pelajar-pelajar mereka. Alat SDS adalah salah satu alat ujian mengukur minat kerjaya individu. Daripada sini pelajar boleh dikelaskan kepada bidang-bidang mengikut minat kerjaya mereka. Di samping membekalkan informasi tentang inventori minat kerjaya, pelajar juga harus diberikan maklumat terkini tentang bidang kerjaya yang hendak diceburi nanti. Ini selaras dengan kenyataan Menteri Sumber Manusia, Fong Chan Onn (2000) yang memberikan maklumat bahawa terdapat 39,000 orang graduan menganggur. Ini bukan bermakna tiada pasaran pekerjaan tetapi kelayakan, keupayaan dan bakat tenaga pekerja itu tidak memadai atau tidak sepadan dengan keperluan pekerjaan tersebut. Ini selari dengan saranan Holland (1985 a) bahawa pemilihan kerjaya mestilah kongruens dengan minat, bakat dan keupayaan seseorang individu tersebut kerana minat kerjaya yang sesuai menyebabkan individu selesa dengan persekitaran yang dialaminya itu. Oleh itu pihak sekolah adalah bertanggungjawab untuk memberikan maklumat serta bimbingan yang terkini agar pelajar-pelajar tersebut benar-benar dapat menguasai dan memenuhi pasaran tenaga kerja yang relevan.

Oleh itu, pihak yang patut mengorak langkah ialah guru kaunseling dimana mereka perlu membuat perancangan yang kemas untuk memberikan bimbingan dan

bantuan dalam menyebarkan maklumat kerjaya kepada para pelajar mereka. Guru kaunseling boleh melaksanakan program-program berkaitan dengan bimbingan kerjaya melalui aktiviti Kelab Bimbingan Kerjaya. Peranan kelab ini ialah sebagai pusat sumber maklumat dalam menyalurkan maklumat terkini tentang bidang kerjaya. Saluran maklumat boleh diperolehi melalui sokongan sama ada daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri serta pihak pusat pengajian tinggi. Sumber maklumat yang perlu disalurkan termasuklah informasi tentang inventori kerjaya, pemilihan jurusan pengajian serta informasi kerjaya yang bersesuaian dengan keperluan pasaran tenaga kerja pada hari ini. Apa yang penting pelajar perlu diberikan kesedaran untuk meneroka maklumat bidang-bidang kerjaya yang hendak diceburi.

Malah hari ini pemberitahuan tentang maklumat kerjaya melalui media massa seperti rancangan di TV3, iaitu Laman Web Kerjaya. my.com., dan Astro melalui Career. Next. com sebenarnya merencanakan lagi aktiviti dalam bimbingan kerjaya. Tetapi apa yang wajar dilakukan oleh pihak-pihak berkenaan ialah pengurusan maklumat yang terkini, kemas dan strategik. Bahan yang disalurkan dapat mempertingkatkan maklumat yang sedia ada agar ruang penerokaan maklumat kerjaya ini benar-benar bermanfaat. Dengan perkataan lain, pelajar yang mempunyai minat dalam kerjaya tertentu mempunyai mekanisme untuk mengakses maklumat seberapa banyak yang mungkin dan merangkumi bidang kerjaya yang dipilih. Oleh itu mereka berupaya mengeksploitasi bakat, minat dan keupayaan yang sedia ada untuk mencapai kerjaya yang diharapkan. Secara tidak langsung, bekalan maklumat yang sedemikian mengukuhkan pengetahuan pelajar serta menambahkan pilihan kerjaya mengenai bidang yang benar-benar relevan dengan minat mereka.

Implikasi kepada pihak pentadbir sekolah pula ialah mereka dapat memanipulasikan keputusan dapatan kajian ini untuk membantu para pelajar di sekolah tersebut. Inisiatif boleh diambil dengan merancang program dan aktiviti yang tidak hanya berbentuk akademik tetapi program yang boleh membantu pelajar dan ibu bapa membuka minda terhadap bidang kerjaya. Program dalam pelbagai bentuk boleh dilaksanakan, sama ada di dalam atau di luar sekolah. Melalui program ini mereka boleh menjalani sesi aktiviti yang boleh membantu mereka menjadi celik akal tentang bidang kerjaya secara lebih luas. Program sebegini boleh dilaksanakan sama ada dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Badan Belia, Kementerian Sumber Manusia atau mana-mana agensi kerajaan dan swasta yang mampu memberikan input kerjaya yang terperinci dan komprehensif. Apa yang perlu ialah pihak pentadbir sekolah perlu serius dalam membuat perancangan agar pelaksanaan program bimbingan kerjaya benar-benar memberikan kesan yang bermakna.

Di samping itu, pihak pentadbir juga bertanggungjawab dalam soal pengurusan agihan pelajar mengikut aliran. Selain kelayakan akademik, kekuatan minat dan bakat serta kecekapan dalam sesuatu bidang perlu diambil kira. Ini kerana ada pelajar yang mempunyai kelayakan akademik yang tinggi tetapi meminati bidang-bidang dalam aliran kemanusiaan. Oleh itu, keperluan pelajar ini perlu dipertimbangkan dengan mengutamakan kehendak mereka. Bukan sekadar pengaliran agihan aliran sewaktu di tingkatan Empat tetapi sekolah perlu mengadakan program untuk lepasan sekolah. Ini kerana pelajar-pelajar ini masih memerlukan maklumat kerjaya yang sesuai, yakni apabila membuat keputusan memilih jurusan pengajian di pusat pengajian tinggi. Peluang sebegini masih terhad tetapi pada Mac

2000 pihak Pusat Bimbingan Kerjaya UiTM mengorak langkah dengan memberikan taklimat dan panduan kepada pelajar lepasan SPM dan STPM yang ingin membuat pemilihan pengajian di pusat pengajian tinggi. Walau bagaimanapun pihak sekolah masih bertanggungjawab kepada pelajar lepasan sekolah mereka dengan menyebarkan maklumat kerjaya tentang Pameran Pendidikan yang dianjurkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta sama ada yang bertapak di Malaysia mahupun dari luar negara. Ini sedikit sebanyak membantu individu dalam memperoleh panduan dan bimbingan dalam mencari bidang kerjaya mengikut keupayaan dan minat mereka.

Implikasi kepada pihak pengurusan Felda yang turut berperanan untuk mengoptimumkan sumber tenaga di kalangan anak-anak di Felda menjadikan hasil kajian ini sebagai satu garis panduan atau titik tolak untuk melakukan tindakan selanjutnya. Pihak pengurusan Felda telah banyak membantu dalam melaksanakan penempatan anak-anak Felda yang cemerlang ke sekolah berasrama di seluruh Malaysia, namun langkah seterusnya yang boleh diambil ialah dengan memberikan bimbingan dan prasarana tentang sumber kerjaya, seperti mewujudkan pusat maklumat dan informasi kerjaya. Saluran dan perancangan yang lebih kemas amat perlu dilaksanakan dengan segera bagi mengoptimumkan sumber tenaga kerja di kalangan anak – anak Felda. Melalui hasil dapatan kajian ini ia menunjukkan sebahagian sampel kajian menaruh minat dalam bidang Sosial, Realistik, Konvensional dan Investigatif.

Nyata sekali bidang kerjaya dalam bidang Artistik dan Keusahawanan kurang digemari. Jelas bahawa ini merupakan petunjuk kepada pihak pengurusan tentang

keupayaan, kecekapan dan minat kerjaya pelajar tersebut dalam bidang ini. Antara langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan maklumat ialah dengan mewujudkan pusat sumber maklumat dan teknologi, pusat kraf tangan, bengkel pertukangan kraf dan seumpamanya. Walaupun, ada bengkel motor dan pertukangan di Felda tetapi operasinya kurang berkesan dan ia perlu dikemaskinikan. Pengendalian bengkel kraftangan dan pusat komputer perlu dipertingkatkan agar ia boleh dijadikan tempat rujukan dan menimba ilmu pengetahuan melalui aktiviti yang dilaksanakan. Usaha seperti Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim, mempelawa anak-anak negeri yang berjaya dalam kerjaya untuk memberikan sumbangan khidmat kepakaran kepada anak negeri juga patut dicontohi oleh pihak pengurusan Felda. Mereka boleh menggesa mana-mana anak-anak Felda yang telah berjaya dalam kerjaya, dipelawa untuk memberikan khidmat bakti kepada anak-anak yang masih di bangku sekolah dengan menyalurkan maklumat serta memberikan dorongan kepada mereka untuk berusaha mencapai cita-cita mereka.

Pihak Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Tanah dan Wilayah yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Felda perlu memanfaatkan hasil kajian yang diperolehi ini dalam usaha memantapkan keperluan kerjaya pelajar keluaran Felda. Kenyataan oleh Menteri Sumber Manusia mengenai isu pengangguran tidaklah boleh dipandang remeh. Malah usaha untuk mendapatkan maklumat yang terperinci perlu dilakukan agar perancangan bekalan sumber manusia menjadi lebih kemas dan efektif. Perancangan yang serius perlu dilihat kepada aspek keperluan negara seperti bidang pekerjaan yang amat diperlukan pada masa hadapan dan jenis-jenis kursus-kursus di pusat pengajian tinggi yang benar-benar menyalurkan



sumber tenaga yang sesuai untuk memenuhi pasaran tenaga kerja tersebut. Pihak kementerian pendidikan juga patut memperbanyakkan program vokasional sejak di peringkat Tingkatan 1 lagi, agar penceburan mereka untuk sesuatu pekerjaan dapat diperhatikan dan diadaptasi oleh dari peringkat awal. Cadangan yang lain termasuklah memohon Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan membina Modul Panduan Bimbingan Kerjaya yang lengkap dengan pelbagai maklumat serta mempunyai pakar rujuk supaya pelaksanaan program ini selaras dan berkesan.

Merujuk kepada kenyataan Pengerusi Eksekutif Malaysia Development Corporation (MDC) Othman Yeop Abdullah (2000) pula, beliau memaklumkan bahawa keperluan tenaga kerja di Koridor Raya Multimedia (MSC) pada Tahun 2005 ialah seramai 108,000 orang. Oleh itu adakah perancangan ke arah menyediakan tenaga kerja tersebut sudah dilakukan. Bertepatan dengan dapatan kajian ini bahawa pelajar yang berprestasi akademik tinggi meletakkan minat kerjaya Investigatif – Konvensional sebagai keutamaan mereka. Adalah tepat masanya kumpulan pelajar dalam kategori ini diperkukuhkan minat kerjaya mereka ke arah memenuhi keperluan MSC pada masa akan datang. Keperluan terhadap tenaga pekerja yang berpengetahuan jelas Othman (2000) menghampiri jumlah yang mencecah 17.3 peratus daripada 9 juta orang tenaga pekerja pada tahun 1999, berbanding hanya 11.1 peratus daripada 7 juta orang tenaga pekerja pada tahun 1996. Oleh itu, peningkatan dalam peratusan tenaga kerja di sektor telekomunikasi maklumat ini telah menunjukkan bahawa perubahan berlaku dalam struktur industri daripada aktiviti nilai-nilai rendah ke industri nilai tinggi. Selaku Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr.Latif Ahmad (2001) telah menyeru lulusan SPM yang gagal memperoleh tempat di

institusi pengajian tinggi boleh membuat permohonan kepada pihak kementeriannya, yang di bawah pengawasan Akademi MAHIR serta Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) untuk mengikuti kursus berkaitan perkomputeran di peringkat Diploma dan Sijil. Insentif termasuk juga pinjaman dana kewangan yang turut disalurkan kepada pelajar yang mengikuti program tersebut. Oleh itu, mana-mana pihak yang bertanggungjawab ke atas kebajikan pelajar-pelajar di Felda harus mengorak langkah dengan memberikan maklumat yang terkini berkaitan bidang kerjaya yang sesuai diceburi oleh mereka.

Oleh itu, pihak kerajaan perlu peka dan sedar akan perubahan dalam fenomena ini, dan langkah segera perlu diambil kerana kita berharap setiap individu ini adalah aset negara yang sangat bernilai. Malah Peramal Perniagaan, John Naisbitt (2000) membuat jangkaan bahawa arus perkembangan pekerjaan di dunia pada masa hadapan akan menyaksikan pertumbuhan pesat dalam ekonomi baru hasil daripada perkembangan pesat teknologi maklumat. Lebih jelas lagi, beliau mengistilahkannya sebagai perniagaan persendirian secara global, yakni urusan jual beli dari seluruh pelosok dunia menerusi Internet dan penghantaran barangan melalui syarikat penghantaran cepat.

Apa yang cuba dikaitkan ialah pihak kerajaan sudah merangka tindakan dalam menangani perkara ini agar keperluan pasaran tenaga pekerja pada masa hadapan dapat dijayakan dengan tersusun. Oleh itu adakah pihak perancangan pendidikan sudah membantu pelajar yang tergolong dalam kategori sedemikian diberikan peluang dalam meneroka bidang kerjaya hingga ke peringkat tersebut.

Oleh itu, perkara yang perlu dilakukan ialah memastikan perancangan yang kemas dan terperinci oleh pihak-pihak yang berkenaan yang dapat membentuk hala tuju sumber tenaga mereka. Jika perancangan yang kemas lagi sistematik dilakukan pada hari ini, kemungkinan besar pelajar lepasan sekolah dari Felda mampu dan berupaya memenuhi pasaran tenaga kerja yang sesuai dengan kehendak dan keperluan tenaga pekerja negara pada bila-bila masa.

#### 5.4 Cadangan

Berikut dikemukakan beberapa cadangan yang boleh diberikan perhatian apabila pengkaji-pengkaji lain ingin menjalankan kajian seumpama ini.

1. Sampel yang digunakan di dalam kajian ini terhad kepada pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di Felda dengan jumlah sampelnya 123 orang. Oleh itu, dicadangkan supaya pengambilan sampel dipertingkatkan jumlahnya bagi mendapatkan keputusan dan rumusan yang lebih tepat, jitu dan padu, di samping memberikan gambaran minat kerjaya pelajar ini dengan lebih luas lagi.
2. Kajian ini hanya menguji keupayaan alat SDS Holland ke atas minat kerjaya pelajar dari aspek jantina, pencapaian akademik dan aliran pengajian. Oleh itu boleh dicadangkan untuk kajian selanjutnya faktor-faktor seperti lokasi, pengaruh ibu bapa, mata pelajaran yang diambil dan faktor-faktor yang lebih bermanfaat wajar diambil kira agar hasil

dapatan itu nanti akan menjadi mantap dan berguna kepada banyak pihak.

3. Kajian ini hanya menguji salah satu daripada gagasan sekunder Holland (identiti) berkenaan pelajar di FELDA. Oleh yang demikian adalah dicadangkan kajian-kajian seterusnya dibuat dengan menguji gagasan - gagasan sekunder yang lain seperti kongruens, perbezaan, kalkulus, dan ketekalan supaya teori Holland benar-benar teruji penggunaannya untuk masyarakat di Malaysia.
4. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan, perbezaan yang signifikan antara pelajar daripada berlainan aliran serta perbezaan yang signifikan bagi pelajar daripada berlainan pencapaian akademik melalui kiraan statistik yang digunakan. Namun, dicadangkan agar kajian selanjutnya dilakukan dengan menambahkan alat pengukuran minat kerjaya yang lain serta prosedur statistik yang lebih bervariasi untuk mendapatkan keputusan yang lebih mantap dan lebih terperinci.
5. Melalui sampel yang baik, terancang dan sesuai diharapkan kajian itu nanti berupaya mengukuhkan keputusan kajian ini yang sedikit sebanyak membuktikan yang Teori Pemilihan Kerjaya Holland

boleh diaplikasikan untuk mengkategorikan minat kerjaya para pelajar di Malaysia.

## **5.5 Kesimpulan**

Kajian ini tidak dapat memberikan gambaran yang benar-benar menyeluruh kerana terdapat beberapa batasan. Walau bagaimanapun kajian ini telah berjaya memberikan beberapa maklumat yang terkini serta berguna kepada pihak perancang pendidikan. Usaha meluaskan penggunaan Self Directed Search - Form Easy versi Bahasa Melayu perlu diteruskan oleh pengkaji-pengkaji lain kerana ia sesuai dan relevan kepada kehendak serta keperluan pelajar di Malaysia.